

KESESUAIAN KANDUNGAN BUKU IQRA' BRAILLE 2 KEPADA GOLONGAN OKU PENGLIHATAN SEBAGAI ASAS MEMPELAJARI AL-QURAN

***THE SUITABILITY OF IQRA' BRAILLE 2 FOR VISUALLY IMPAIRED
PEOPLE AS THE BASIC IN LEARNING AL-QURAN***

Kauthar Abd Kadir¹
Mahyuddin Bin Hashim²
Haji Norakyairee Bin Mohd. Raus³
Nurul Asiah Fasehah Bt Muhamad⁴
Noornajihan Binti Ja'afar⁵
Adnan Bin Mohamed Yusoff⁶
Nur Badriah Binti Omar⁷

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pensyarah,
Email: kauthar@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pensyarah,
Email: mahyuddin@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pensyarah,
Email: norakyairee@usim.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pensyarah,
Email: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

⁵ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pensyarah,
Email: noornajihan@usim.edu.my

⁶ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya,
Email: adnan@usim.edu.my

⁷Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Pelajar Siswazah,
Email: nurbadriah6969@gmail.com

Accepted date: 19-01-2019

Published date: 01-07-2019

To cite this document: Kauthar Abd Kadir, Mahyuddin Hashim, Hj Norakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Noornajihan Ja'afar, Adnan Mohamed Yusoff & Nur Badriah Omar (2019). Kesesuaian Kandungan Buku Iqra' Braille 2 Kepada Golongan OKU Penglihatan Sebagai Asas Mempelajari Al-Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(20), 108-118.

Abstrak: Braille adalah tulisan timbul (emboss) yang digunakan oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan untuk membaca, menulis dan sebagainya. Pelbagai usaha dilakukan untuk membantu golongan ini dalam menuntut ilmu terutama dari segi pembelajaran al-Quran. Salah satu dari hasilnya adalah Iqra' Braille yang telah ditranskripsikan oleh beberapa penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini bertujuan mengetahui model Iqra' Braille 2 berkesesuaian dengan golongan OKU penglihatan berdasarkan objektif berikut: 1) mengenalpasti kesesuaian isi kandungan Iqra' Braille 2 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan, 2)

mengenalpasti kesesuaian panduan dan aktiviti yang terdapat dalam Iqra' Braille 2 sebagai pengenalan asas al-Quran kepada golongan OKU penglihatan, dan 3) mengkaji kesesuaian persembahan Iqra' Braille 2 bagi golongan OKU penglihatan. Metode kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisa dokumen. Dapatkan kajian ini menunjukkan Iqra' Braille 2 sesuai digunakan sebagai asas mempelajari al-Quran bagi OKU penglihatan dari sudut isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persesembahan. Iqra' Braille 2 juga sangat membantu OKU penglihatan dalam mempelajari al-Quran. Terdapat beberapa perbezaan yang ketara dan perlu diambil berat agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Diharapkan melalui kajian ini dapat membantu penyelidik-penyelidik pada masa hadapan sebagai garis panduan bagi meneruskan kajian berkaitan dan dapat membuat penambahbaikan pada modul sedia ada.

Kata Kunci: *Buku Iqra' Braille 2; Asas Mempelajari Al-Quran; OKU Penglihatan.*

Abstract: *Braille is embossed writing that had been used by visually impaired people to read, write and etc. A lot of efforts has been held to help them in gain knowledge especially in term of learning al-Quran. One of the result is Iqra' Braille that has been transcribed by a few researchers from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). The purpose of study is to find out that the model of Iqra' Braille 2 is suitable to visually impaired people based on the following objectives: i) to identify the suitability of Iqra' Braille 2 as the basic in learning al-Quran for visually impaired people, ii) to identify the suitability of guidelines and activities in Iqra' Braille 2 as the basic in learning al-Quran for visually impaired people, and iii) to analyze the compatibility of presentations of Iqra' Braille 2 for visually impaired people. The method of study using qualitative approach and document analysis. The study found that Iqra' Braille 2 are suitable to use as the basic of learning al-Quran for visually impaired people in term of the content, guidelines, activities and presentation. Iqra' Braille is also useful to visually impaired people in learning al-Quran. There are some significant differences to take note in order the teaching and learning process run smoothly. Hopefully the result of this study can help future researchers as guideline to conduct related research and make an improvement on the module.*

Keyword: *Iqra' Braille 2; The Basic of Learning Al-Quran; Visually Impaired People.*

Pendahuluan

(خیرکم من تعلم القرآن و علمه)

Maksudnya : "Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya." (diriwayatkan oleh Bukhari)

Sejarah pengajaran dan pembelajaran al-Quran menurut Al-Buti (1991) dan Mohd Yusuf (2000) bermula ketika Nabi Muhammad S.A.W sedang beribadat di Gua Hira'. Baginda dilantik menjadi Nabi Allah secara rasmi dengan turunnya ayat al-Quran yang pertama. Dengan perutusan kenabian ini, maka bermulalah pendidikan yang bersumberkan wahyu. Hal ini jelas berdasarkan surah al-'Alaq yang mengandungi perkataan Iqra' yang memberi erti belajar, mengkaji dan mencari ilmu. Bacaan yang diajar oleh Jibril a.s dan dibaca oleh Rasulullah S.A.W bukan semata-mata bacaan, tetapi ia dilakukan untuk dituruti dan difahami.

Sistem pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia telah bermula semenjak dari kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Oleh kerana masyarakat di Malaysia adalah bukan daripada kalangan pengguna bahasa Arab, maka proses pembelajaran al-Quran memerlukan kepada fasa pengenalan terhadap asas bahasa al-Quran tersebut yang di antaranya melibatkan pengenalan kepada huruf-huruf hijaiyyah al-Quran, kaedah pembacaan dan penulisan huruf-huruf tersebut, pengenalan kepada tanda-tanda bacaan serta hukum-hukum tajwid dan lain-lain lagi kemahiran yang berkaitan. Berdasarkan kepada keperluan-keperluan ini maka pelbagai model pembelajaran al-Quran telah diperaktiskan sehingga ke hari ini sebagai langkah usaha untuk mencapai objektif yang disasarkan iaitu melahirkan masyarakat Islam yang celik al-Quran.

Model Iqra' adalah suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran membaca al-Quran yang disusun sebagai usaha mengubahsuai kaedah lama. Objektifnya agar murid dapat belajar membaca al-Quran dalam waktu yang lebih singkat dan cepat. Model ini disusun oleh al-Marhum Ustaz Hj. As'ad Humam (As'ad Humam, 2004), Pengarah Kumpulan Tadarus Angkatan Muda Masjid dan Musholla Yogyakarta (Mohd Alwi Yusoff et al., 2003 & Kamarul Azmi Jasmi, 2013).

Berdasarkan kepada model-model sedia ada dalam pembelajaran asas membaca al-Quran, jelas bahawa model-model ini dibina untuk golongan tipikal yang mampu melihat. Ia tidak mengambil kira keunikan dot-dot Braille, kaedah penulisannya dan kekuatan deria sentuh bagi OKU penglihatan. Justeru, kelompongan yang berlaku ini membuka ruang kepada kajian model baru pembelajaran asas membaca al-Quran bagi OKU penglihatan.

Menurut Norhasnira (2015), terdapat beberapa isu yang memberi faktor utama terhadap tahap penguasaan bacaan Al-Quran murid berkeperluan khas masalah penglihatan ini. Antara isu yang kerap dibangkitkan ialah faktor guru tidak mahir dalam penguasaan Al-Quran Braille, kekangan masa untuk mengajar tajwid dan Al-Quran, tidak mengenal pasti tahap dan jenis penyakit penglihatan murid tersebut, kekurangan alat bantuan mengajar serta bahan bacaan Braille bagi mata pelajaran pendidikan Islam, tajwid serta Al-Quran, juga minat Murid Berkeperluan Khas Masalah Lihat (MBK MaL) itu sendiri.

Justeru, kumpulan penyelidik Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM yang diketuai oleh Mahyuddin bin Hashim telah berjaya menghasil buku Iqra' versi Braille bagi membantu pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan OKU penglihatan. Usaha ini telah membuka peluang kepada OKU Masalah Penglihatan untuk mempelajari al-Quran dengan bantuan guru-guru dan sukarelawan yang terlatih (Mahyuddin Hashim et al., 2016).

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan mengenai pengajaran al-Quran terhadap golongan kelainan upaya (OKU) penglihatan sahaja dan tumpuan kajian difokuskan terhadap buku Iqra' Braille 2 yang telah ditranskripsikan oleh beberapa penyelidik USIM dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan bahagian buku teks KPM pada tahun 2012.

Pernyataan Masalah Dan Objektif

Pernyataan Masalah

Iqra' Braille yang diterbitkan oleh Darul Fikir dengan PERTIS telah digunakan oleh kebanyakan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan untuk mempelajari asas membaca al-Quran.

Buku Iqra' Braille ditranskripsi dari buku Iqra' yang digunakan oleh golongan tipikal untuk mempelajari asas membaca al-Quran.

Kajian ini memfokuskan kepada Iqra' Braille 2 bagi mengetahui kesesuaian kepada golongan OKU penglihatan sebagai asas mempelajari al-Quran. Kelainan yang terdapat pada Iqra' Braille 2 ialah penambahan huruf-huruf *hijaiyyah* dalam satu kalimah atau perkataan berbanding Iqra' Braille 1 mengenai pengenalan huruf-huruf *hijaiyyah* tunggal sahaja. Dalam Iqra' Braille 2 juga pelajar-pelajar didedahkan dengan pembelajaran bab awal tajwid iaitu *mad asli* (huruf *alif*) yang mana pelajar perlu membacanya dengan bacaan panjang sebanyak dua harakat. Justeru, pelajar mesti dapat membezakan antara bacaan panjang dan pendek sesuatu huruf dalam Iqra' Braille 2.

Golongan tipikal membaca huruf-huruf *hijaiyyah* yang bersambung didalam buku Iqra' sudah pastinya berbeza dengan kemampuan golongan OKU penglihatan yang hanya boleh membaca melalui dot-dot braille yang tidak bersambung antara satu sama lain didalam Iqra' braille meskipun isi kandungannya yang sama.

Perbezaan ini akan memberi kesan kepada tahap penguasaan pembelajaran asas membaca al-Quran bagi OKU penglihatan berbanding golongan tipikal kerana pembelajaran bagi golongan OKU penglihatan tidak memerlukan kepada kefahaman terhadap huruf-huruf yang bersambung tersebut tetapi sebaliknya bagi golongan tipikal.

Jika sekiranya pembinaan modul pembelajaran mengambil kira deria sentuh daripada awal maka hasilnya pasti berbeza bagi OKU penglihatan berbanding dengan sekadar ditranskripsi bahan pembelajaran yang hanya menekankan deria lihat. Ini adalah kerana golongan OKU penglihatan terpaksa menyesuaikan pembelajaran mereka dengan modul pembelajaran golongan tipikal yang berdasarkan deria lihat, bukan deria sentuh.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengetahui kesesuaian kandungan buku Iqra' Braille 2 dari aspek isi kandungan, aktiviti dan latihan serta persembahan modul kepada golongan OKU penglihatan sebagai asas mempelajari al-Quran.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut: -

- i. Mengenalpasti kesesuaian isi kandungan Iqra' Braille 2 sebagai asas mempelajari al-Quran kepada golongan OKU penglihatan.
- ii. Mengklasifikasi kesesuaian panduan dan aktiviti yang terdapat dalam Iqra' Braille 2 sebagai asas mempelajari al-Quran kepada golongan OKU penglihatan.
- iii. Menganalisis kesesuaian persembahan Iqra' Braille 2 bagi golongan OKU penglihatan.

Analisis Iqra' Braille Buku 2

Analisis Terhadap Isi Kandungan

Iqra' Braille 2 mempunyai 30 halaman (isi kandungan sahaja), semua kandungan adalah sama dengan Iqra' yang digunakan oleh individu tipikal. Setiap huruf-huruf dan perkataan ditranskripsi huruf demi huruf dari Iqra' yang asal. Pembelajaran dimulai dengan membaca huruf *hijaiyyah* baris satu di atas iaitu baris *fathah* tanpa mengikut turutan huruf *Alif* (‘)

hingga Ya (ي) seperti mana dalam Iqra' Braille 1. Selain itu, tahap pembelajaran bagi Iqra' Braille 2 semakin sukar dari Iqra' Braille 1 dengan adanya penambahan tiga huruf sehingga empat huruf dalam satu kalimah. Seterusnya, bacaan *mad* akan diajar kepada pelajar-pelajar bermula pada halaman 14. Bacaan *mad* ini merujuk kepada huruf *mad* iaitu huruf *Alif* sahaja. Pelajar-pelajar mesti dapat membezakan bacaan pendek(tiada huruf *mad*) dan bacaan panjang sebanyak dua harakat(yang mempunyai huruf *mad*). Penilaian bacaan dari segi makhraj pada halaman terakhir iaitu pada halaman 30.

Year	Period	Period	Period
1990	1990-91	1991-92	1992-93
1991	1991-92	1992-93	1993-94
1992	1992-93	1993-94	1994-95
1993	1993-94	1994-95	1995-96
1994	1994-95	1995-96	1996-97
1995	1995-96	1996-97	1997-98
1996	1996-97	1997-98	1998-99

Rajah 1 : Pembelajaran Pertama Dalam Iqra' Braille 2

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

Analisis Terhadap Panduan Dan Aktiviti

Panduan mengajar Iqra' Braille 2 terdapat enam cara yang ditranskripsikan daripada Iqra' yang digunakan oleh golongan tipikal. Kesemua arahan dan panduan yang diberi berketepatan dengan pelajar OKU penglihatan kecuali bagi panduan nombor tiga dan lima. Panduan nombor tiga meminta guru untuk tidak menerangkan huruf-huruf yang disambung. Panduan nombor lima juga memberi penekanan kepada tulisan bersambung yang boleh dibaca secara terputus-putus. Hal ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada golongan OKU penglihatan untuk membaca Iqra' braille 2 apabila transkripsi dilakukan tanpa menitikberatkan keperluan dan kesesuaian mereka. Panduan nombor tiga dan lima ini amatlah tidak sesuai dengan bentuk tulisan braille yang mana dot-dot braille tidak akan berubah bentuk walaupun tulisan itu bersambung.

the people who have had this same
experience will remember how the others
the people in their own home and
other localities who have had the
same experience.

The next time you see some
people talking or reading at their own
leisure at another's table at which there
are other people than those invited the
experience.

The place that you happen to be
occupying may not be the best place
where you yourself

The people in another's kitchen will
often remember

The place that you happen to be
occupying is often another's house where
you have dinner with your mother
and your father and your brother

Rajah 2 : Panduan Mengajar Iqra' Braille 2

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

Pada halaman pertama sehingga halaman 13, aktiviti pembelajaran dalam Iqra' Braille 2 hampir sama dengan Iqra' Braille 1. Pelajar akan membaca huruf-huruf berbaris satu diatas iaitu baris *fathah* yang bermula dengan dua huruf sehingga empat huruf dalam satu perkataan. Bagi Iqra' 2 untuk tipikal, ia lebih menekankan kepada huruf bersambung seperti contoh huruf *Ba* (ب) yang berada diawal, ditengah dan diakhir dalam satu kalimah. Aktiviti ini tidak sesuai diaplikasikan didalam Iqra' Braille 2 kerana huruf braille tidak bersambung dan tetap menjadi huruf tunggal walaupun didalam satu kalimah.

Kemudian pada halaman 14 sehingga halaman 29, pelajar akan diperkenalkan dengan huruf *Alif* iaitu huruf *mad* yang dibaca panjang sebanyak dua harakat. Aktiviti pada bahagian ini lebih menekankan kepada cara membaca kalimah yang mengandungi huruf *mad* sehingga pelajar dapat membezakan pendek dan panjang sesuatu huruf itu. Bacaan gaya nasyid juga amat digalakkan untuk dijadikan latihan semasa membaca dalam Iqra' Braille 2 ini. Untuk penilaian, pelajar yang dapat membaca secara betul makhrajnya dapat dipindahkan kepada Iqra' Braille 3.

NAME	ADDRESS	PHONE NO.	AGE
ROBERT DAWSON	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
JOHN SMITH	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
ROBERT DAWSON	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
JOHN SMITH	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
ROBERT DAWSON	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
JOHN SMITH	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
ROBERT DAWSON	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
JOHN SMITH	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
ROBERT DAWSON	1234 FAIRFIELD	555-1234	30
JOHN SMITH	1234 FAIRFIELD	555-1234	30

Rajah 3: Penilaian Untuk Iqra' Braille 2

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

Analisis Terhadap Persembahan Buku

Bagi Iqra' braille 2, saiz, ketebalan dan berat adalah berbeza dengan Iqra' 2 yang digunakan oleh pelajar tipikal. Hal ini oleh kerana jenis kertas yang lebih tebal dan tulisan braille yang digunakan untuk pelajar masalah penglihatan untuk membaca. Justeru, berat dan ketebalan buku seiring dengan bentuk fizikal buku Iqra' Braille tersebut.



Rajah 4: Muka Depan Iqra' Braille 2

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

Persembahan dari sudut susun atur isi kandungan bagi Iqra' Braille 2 dibahagikan kepada tiga dan empat bahagian. Jika terdapat perkataan yang lebih panjang, maka susun atur akan dibahagikan kepada dua bahagian. Jarak ini sesuai kepada pelajar OKU penglihatan untuk membaca kerana tidak terlalu jauh antara isi kandungan dalam satu muka surat. Tulisan braille dibaca dari kiri ke kanan, oleh yang demikian, hal ini juga dapat membantu mereka membaca dengan lebih baik tanpa perlu menyentuh secara keseluruhan pada halaman bagi mengetahui keberadaan isi kandungan.

س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س
س	م	س

Rajah 5: Susun Atur Secara Tiga Bahagian

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

卷首	卷中	卷尾	卷脚
卷首A	卷中A	卷尾A	卷脚A
卷首B	卷中B	卷尾B	卷脚B
卷首C	卷中C	卷尾C	卷脚C
卷首D	卷中D	卷尾D	卷脚D
卷首E	卷中E	卷尾E	卷脚E
卷首F	卷中F	卷尾F	卷脚F
卷首G	卷中G	卷尾G	卷脚G

Rajah 6: Susun Atur Secara Empat Bahagian

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011).

Dapatan Kajian Dan Cadangan

Hasil penelitian terhadap dapatan kajian yang di atas, kajian mendapati Iqra' Braille 2 sesuai dijadikan sebagai asas mempelajari al-Quran namun begitu terdapat beberapa bahagian yang memerlukan kepada penilaian semula dan penambahbaikan yang lebih sesuai kepada golongan OKU penglihatan hasil dari kajian bagi Iqra' Braille 2.

i. Isi kandungan

Hasil dari analisis isi kandungan bagi Iqra' Braille 2, kajian mencadangkan agar aktiviti pada halaman pertama sehingga halaman 13 ditukarkan kepada latihan yang lebih sesuai kepada pelajar OKU penglihatan. Aktiviti-aktiviti yang boleh diaplikasikan di dalam Iqra' braille 2 seperti latihan membaca huruf-huruf berbaris satu di atas iaitu baris *fathah* mengikut turutan titik (satu titik) huruf braille yang paling sedikit kepada banyak (enam titik) dan sebaliknya. Selain itu, latihan membaca kalimah yang mempunyai bentuk-bentuk huruf braille *hijaiyyah* yang hampir sama juga lebih sesuai diajarkan kepada mereka. Aktiviti ini akan membantu pelajar OKU penglihatan memantapkan bacaan dan mengelak dari kekeliruan bentuk-bentuk huruf braille *hijaiyyah*. Sekaligus akan memudahkan pelajar OKU penglihatan mengingati huruf braille *hijaiyyah* tanpa perlu menghafal terlebih dahulu.

Jadual 1: Contoh Turutan Titik Dari Sedikit Kepada Banyak

Braille


Hijaiyyah

Hijaiyyah ١٠٤ ك ب ه ئ ي ئ غ ه ف ل م ئ د ي

Jika diamati isi kandungan bagi Iqra' Braille 2 pada bahagian awal pembelajaran, ia hampir sama dengan Iqra' Braille 1. Hal ini kerana bagi Iqra' 2 yang diajarkan kepada pelajar tipikal lebih menekan kepada aspek huruf bersambung dan bentuk sesuatu huruf di dalam kalimah pada bahagian yang berbeza. Pembelajaran pada bahagian ini tidak sesuai kerana huruf braille

tidak akan bersambung dan menjadi bentuk titik yang lain walaupun didalam kalimah pada bahagian berbeza (diawal, ditengah dan diakhir). Kajian ini mencadangkan agar pembelajaran pada bahagian ini dipendekkan atau ditukar kepada aktiviti yang lebih bertepatan kepada pelajar OKU penglihatan.

Pada bahagian atas hampir setiap muka surat dalam Iqra' Braille 2, terdapat pengenalan ataupun penjelasan tentang huruf yang dijarakkan dengan satu sel kosong dan huruf yang dirapatkan tanpa ada sel kosong diantara setiap huruf secara ringkas. Walaupun pada hakikatnya tidak ada perbezaan yang ketara jika dilihat pada sudut tulisan braille kerana tulisan braille tetap sama bentuknya.



Rajah 7: Penerangan Tentang Huruf-Kalimah

Sumber: Iqra' Braille 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (2011) & Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca Al-Quran Rasm Uthmani, Penerbit Darul Kutub Sdn. Bhd. (2004).

Bagi penilaian untuk Iqra' Braille 2, pelajar-pelajar OKU penglihatan mesti mendapatkan sebutan makhraj yang betul dari guru secara *talaqqi*. Setelah sebutan makhraj setiap huruf betul, guru boleh pindahkan pembelajaran pelajar tersebut kepada Iqra' Braille 3.

Jadual 2: Perbezaan Antara Dua Jenis Tulisan

Huruf tidak bersambung	Huruf bersambung
Iqra'	حَجَرٌ
Iqra' Braille	 

ii. Panduan dan aktiviti

Kajian ini menyarankan agar panduan nombor tiga dan lima didalam Iqra' Braille 2 menggunakan arahan yang lebih menitikberatkan tulisan braille iaitu tulisan timbul (*emboss*) yang dibaca melalui sentuhan. Jadual 4.2 di atas menunjukkan perbezaan bagi huruf bersambung dan tidak bersambung antara tulisan *hijaiyyah* Iqra' dan tulisan braille *hijaiyyah* Iqra' braille.

Melalui jadual diatas, jelas menunjukkan tulisan braille *hijaiyyah* tidak akan bersambung walaupun huruf-huruf disatukan dalam satu kalimah atau perkataan. Arahan yang terdapat didalam Iqra' Braille adalah "guru tidak perlu menerangkan huruf-huruf yang bersambung, contohnya: **خطب** (huruf *ba* diawal), **بصر** (huruf *ba* diakhir) dan **صبر** (huruf *ba* ditengah) kerana

biasanya pelajar-pelajar sudah boleh memahami dan membacanya". Oleh demikian, bagi arahan nombor tiga yang diberikan adalah tidak sesuai digunakan kepada pelajar OKU penglihatan. Terdapat juga aktiviti didalam Iqra' Braille yang memberi arahan yang tidak sesuai seperti pada halaman sembilan.

iii. Persembahan

Susun atur dan persembahan bagi Iqra' Braille 2 adalah sesuai dengan pelajar OKU penglihatan kerana jaraknya yang tidak jauh sehingga kebarangkalian pelajar tercicir isi kandungan rendah. Cuma pada bahagian muka surat awal menggunakan susunan berpusat (*center alignment*) atau ditengah-tengah halaman. Walaupun tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran kerana bukan sebahagian daripada isi kandungan, penyelidik melihat ini sebagai sebahagian dari proses penambahaikan.

Penutup

Kajian ini menitikberatkan aspek-aspek penting yang asas dalam penulisan braille bagi mencapai objektif pembelajaran dan juga kesesuaian modul Iqra' Braille kepada golongan OKU penglihatan. Secara keseluruhan, buku Iqra' Braille 2 sesuai digunakan sebagai asas mempelajari al-Quran kepada golongan OKU penglihatan dari sudut isi kandungan, panduan dan aktiviti serta persembahan. Pun begitu modul ini masih memerlukan kepada penambahbaikan agar dapat memberi kesan yang lebih baik terhadap pencapaian pembelajaran al-Quran kepada OKU penglihatan, di antaranya seperti berikut:

1. Isi kandungan buku Iqra' Braille 2 ialah mengenai pembelajaran huruf-huruf bersambung dalam satu kalimah yang berbaris satu diatas iaitu baris *fathah*. Isi kandungan ini tidak sesuai kepada golongan OKU penglihatan untuk mempelajarinya kerana mereka menggunakan tulisan braille untuk membaca. Justifikasinya, tulisan braille tidak akan bersambung atau berubah bentuk walaupun dalam satu perkataan. Lebih baik diringkaskan ataupun ditukar kepada isi kandungan yang lebih mersa OKU penglihatan.
2. Panduan dan aktiviti yang terdapat didalam Iqra' Braille 2 hendaklah dimurnikan serta disesuaikan dengan gaya pembelajaran OKU penglihatan yang membaca tulisan braille dengan menggunakan deria sentuhan.
3. Persembahan pada susun atur huruf-huruf dan ayat pada halaman Iqra' Braille 2 tidak memerlukan kepada *centralized* (berpusat; di tengah-tengah) kerana braille di baca dari kiri ke kanan.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Kajian ini telah diberikan dana untuk menjalankan penyelidikan di bawah skim dana penyelidikan jangka pendek yang bertajuk: Analisis Kebolehgunaan dan Penerimaan Iqra' Braille dalam Kalangan OKU Penglihatan. Kod Penyelidikan: PPP/USG-0216/FPQS/30/14716.

Rujukan

- Abd. Ghafur. (2012). Kajian Metode Pembelajaran Baca Tulis al-Quran dalam Perspektif Multiple Intelligence. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar, UIN-Malang.*, (Vol V, No.1; 07-2012).
- Adnan Mohamed Yusoff, Norakyairee Hj. Mohd Raus, Mohd Nor Adzam Rasdi, Mahyuddin Hashim, Noornajihan Jaafar, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, & Desi Suryani Bakhsan Basri. (2017). Pendidikan Quran dan Sunnah bagi Orang Kelainan Upaya(OKU): Pengalaman Universiti Sains Islam Malaysia. *The Integrasi Ilmu Naqli & Aqli dalam Isu Pendidikan Semasa, USIM*.
- Al-Buti, S. (1991). *Fiqh Sirah Nabawiyah*. Beirut: Darul Fikri.
- As'ad Humam. (2004). *Iqra' Cara Cepat Belajar Membaca al-Quran Rasm Uthmani*. Shah Alam, Selangor: Darul Kutub Sdn. Bhd.
- Hamdi bin Ishak. (2016). Pengukuhan Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya: Isu dan Cabaran. *Seminar Serantau Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). Membangun Kemahiran al-Quran dan Jawi Kepada Anak-anak. *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA Jawi*. Dewan Syarahan, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Aderi Che Noh. (2013). Sejarah, Kaedah Serta Model Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran. *Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA Jawi*. Dewan Syarahan, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur.
- Norhasnira Ibrahim et al. (2015). *Pengajaran al-Quran Braille*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahyuddin Hashim, Noornajihan Jaafar, Adnan Mohamed Yusoff, Hj Norakyairee Hj Mohd Raus & Mohd Nur Adzam Rasdi. (2011). *Iqra' Braille 2*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusoff, Hj Norakyairee Hj Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi & Noornajihan Jaafar. (2016). *Monograf Standard Transkripsi Penulisan Arab/Jawi Braille*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Alwi Yusoff, Dr Adel M Abdulaziz, Ahmad Kamel Mohamed. (2003). Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Menbaca al-Quran . *Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan 2003*.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Mustaqim, M. (2013). *Pembangunan Braille al-Quran Rasm Uthmani*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2014). *Braille al-Quran Sejarah dan Kaedah*. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Abdul Qadir Umar Usman & Noornajihan Jaafar. (2014). Towards an Uthmanic Model of Quranic Orthography in Braille. *Global Journal Al-Thaqafah*, (Vol 4, Issue 1, Page 41).